

21 SEP 2000

Guru-Melancong

KPPK BANTAH GURU TIDAK DIBENAR MELANCONG KE LUAR NEGARA

MELAKA, 21 Sept (Bernama) -- Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) membantah larangan kerajaan yang masih tidak membenarkan guru-guru ke luar negara untuk sesuatu urusan atau untuk tujuan melancong.

Setiausaha agungnya N.Siva Subramaniam berkata larangan itu adalah tidak munasabah, berat sebelah dan menjejaskan kredibiliti profesyen perguruan.

"Larangan itu seolah-olah meletakkan guru sebagai warganegara kelas kedua kerana kakitangan kerajaan dari jabatan lain dibenar melancong dan berurusan di luar negara," katanya pada persidangan media selepas mengadakan mesyuarat dengan Jawatankuasa KPPK Kebangsaan, di sini.

Beliau mengulas laporan muka depan sebuah akhbar hari ini yang memetik Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamed sebagai mengesahkan bahawa guru-guru masih dilarang berkunjung ke luar negara dan memerlukan kelulusan Jabatan Pendidikan sekiranya mereka perlu berbuat demikian.

Musa berkata kementerian belum menerima kelulusan Jabatan Perdana Menteri (JPM) berhubung larangan kepada guru-guru ke luar negara.

Siva, yang juga Presiden Cuepacs, berkata beliau akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada minggu depan untuk membincangkan perkara itu dan berharap menerima respons yang baik.

"Kita minta kerajaan menyatakan peraturan sebenarnya berhubung larangan keluar negara untuk guru-guru," katanya.

Beliau mendakwa terdapat beberapa permohonan guru untuk ke luar negara kerana urusan penting seperti pendidikan dan kesihatan ditolak di peringkat jabatan kerana karenah birokrasi.

Beliau berkata guru-guru sewajarnya tidak dikenakan larangan itu kerana mereka bukan penyebab kepada krisis ekonomi yang melanda negara semasa larangan itu dikenakan pada 1998.

Siva juga berkata satu mesyuarat antara KPPK dan Kementerian Pendidikan yang akan diadakan esok di Kuala Lumpur akan turut membincangkan isu itu.

Selain itu sebanyak 45 perkara asas lain mengenai perkhidmatan dan sebagainya akan dibincangkan pada mesyuarat itu, antaranya pengiktirafan guru-guru yang memperolehi ijazah menerusi pendidikan jarak jauh dan sekolah-sekolah yang berhutang kerana kelalaian guru besar sekolah berkenaan.

-- BERNAMA

NO AKD